


---

**LAPORAN HARIAN**  
**KEJADIAN JANGKITAN INFLUENZA VIRUS, H7N9 DI CHINA**  
**(3 Mei 2013)**

1. Laporan harian dikeluarkan bagi memaklumkan tentang kejadian jangkitan influenza virus H7N9 di China dan tindakan kawalan yang telah diambil oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia.
2. Kes mula dilaporkan berlaku di negara China pada 4hb April 2013 yang dikesan pada manusia. Kejadian jangkitan influenza virus ini telah membawa kepada kematian manusia di negara China dan punca jangkitan virus adalah disyaki berpunca dari ternakan ayam dan burung dipasar basah di negara tersebut. Sehingga kini kematian manusia di China akibat jangkitan influenza virus H7N9 telah meningkat kepada **26** orang. **Terkini, terdapat dua kes positif H7N9 dilaporkan berlaku yang melibatkan pesakit lelaki berumur 58 tahun dari provinsi Fujian dan juga lelaki berumur 69 tahun dari provinsi Hunan. Kedua-dua pesakit tersebut telah pun meninggal.**
3. Walaubagaimanapun tiada kes kematian disebabkan penyakit H7N9 pada populasi unggas tetapi sebagai langkah kawalan penyakit, pihak China telah memusnahkan sebilangan unggas yang terjangkit yang berjumlah 22, 878 ekor. Kes H7N9 ini dikategorikan sebagai tidak berbahaya kepada unggas tetapi berbahaya kepada manusia.
4. Susulan dari kejadian jangkitan influenza H7N9 dinegara China, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil langkah berjaga-jaga dan kesiapsagaan bagi menangani kejadian seumpama dari berlaku di dalam negara.



---

5. Antara langkah kawalan dan kesiapsagaan yang diambil oleh pihak DVS ialah :

**a. Tindakan kesiapsagaan**

**i. Pembentukan Jawatankuasa Khas**

Jawatankuasa khas seperti dicarta *Strategi Peningkatan Tahap Siapsiaga Terhadap Wabak H7N9* telah dikenalpasti bagi tujuan aliran komunikasi berjalan dengan efektif dan efisien.

**ii. Kerjasama Antarabangsa**


Penglibatan Pusat Kerjasama Antarabangsa (*Collaborating Center* seperti di Australia, Hong Kong, Jepun, Jerman dan Kanada) dalam bidang Influenza di luar negara bagi memantapkan program surveilan dan pemantauan juga telah berjalan.

**iii. Makmal Veterinar Kawasan dan DVS Negeri**

Semua Makmal Veterinar Kawasan dan DVS Negeri telah diarahkan untuk bersiap sedia dan mempertingkatkan kesiapsagaan bagi menghadapi wabak penyakit ini jika berlaku. Pasukan Tindakan Pantas, Pusat Pengurusan Krisis Ibupejabat, Pusat Operasi Negeri dan Lapangan telah diaktifkan sebagai langkah kesiapsagaan. **Terdapat beberapa DVS Negeri yang telah mengaktifkan Pusat Operasi Negeri sebagai langkah kesiapsiagaan menangani wabak Avian Influenza H7N9.**

**b. Larangan Pengimportan dari negara berwabak dan negara berisiko.**

Semua jenis burung/unggas hidup termasuk telur dari negara-negara Asia, Mexico dan Afrika Selatan telah dikenakan larangan import



---


berkuatkuasa dari 15hb April 2013. Susulan dari itu, larangan pengimportan bulu itik dari negara China juga telah dikeluarkan berkuatkuasa dari 18hb April 2013.

Pengimportan produk ayam beku dari negara China digantung mulai 23 April 2013. Konsainmen yang telah mendapat permit import dikenakan tindakan tahan-uji dan lepas (hold-test and release) untuk setiap konsainmen.

**c. Survelan dan pemantauan penyakit**

Tindakan kawalan lain yang telah dilakukan ialah meningkatkan aktiviti surveilan dan pemantauan disemua premis unggas dan unggas seperti ladang ayam komersil, ladang itik, ayam kampung, burung hijrah, burung liar, pasar basah, pintu-pintu masuk dan kedai burung. Aktiviti surveilan dan pemantauan ini adalah penerusan dari Program Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan yang sediaada dan dipertingkatkan lagi ke beberapa lokasi dan premis unggas yang berisiko serta pintu-pintu masuk kedalam negara. **Semua DVS Negeri telah menggiatkan aktiviti surveilan dan pemantauan penyakit Avian Influenza kesemua premis unggas yang berisiko.**

6. Sehingga kini, surveilan dan pemantauan ayam kampung, itik, lain-lain jenis unggas (semua jenis burung liar), ayam komersil dan **pintu masuk** yang telah dijalankan bagi mengesan virus influenza diseluruh Semenanjung, mendapati tiada virus influenza yang dikesan terutamanya subtip H7N9. Sementara itu, aktiviti surveilan dan pemantauan sedang dijalankan di premis-premis unggas lain seperti kedai burung, pasar basah dan santuari burung. **Status terkini aktiviti surveilan dan pemantauan adalah seperti di Jadual 1.**



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**  
**DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES**  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO BASED INDUSTRY  
BLOK PODIUM, LOT 4G1,  
WISMA TANI, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA ,  
MALAYSIA



Telefon: 03-8870 2200  
Faks: 03-8888 6021  
Email: pro@dvs.gov.my


**Jadual 1: Jadual Aktiviti Survelan dan Pemantauan**

| Kategori           | Bil. premis                             | Bil. sampel | Penemuan |
|--------------------|-----------------------------------------|-------------|----------|
| Ayam kampung       | 998                                     | 18,877      | Negatif  |
| Itik               | 501                                     | 9,273       | Negatif  |
| Burung-burung liar | 257                                     | 2,631       | Negatif  |
| Ayam komersil      | 172                                     | 7,871       | Negatif  |
| Pintu-pintu masuk  | 19                                      | 470         | Negatif  |
| Kedai burung       | Survelan dan Pemantauan sedang berjalan |             |          |
| Pasar basah        |                                         |             |          |
| Santuari burung    |                                         |             |          |

\* maklumat yang diperolehi adalah dari tahun 2011 sehingga kini



**Carta 1: Strategi Peningkatan Tahap Siapsiaga Terhadap Wabak H7N9**



Disediakan oleh :  
Seksyen Epidemiologi dan Survelan  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Putrajaya  
[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)